



# Pertandingan Catur Bistari “Cabaran Catur Bistari”

Oleh : Fathul Azan Faezan

Hotel Seaview Kuala Perlis, 20 Disember 2008 – Seramai 20 ahli Kelab Keusahawanan UniMAP telah menyertai Pertandingan Catur Bistari yang diadakan di Hotel Seaview Kuala Perlis. Ianya telah berlangsung pada 20 Disember 2008 di bawah anjuran Johor Corporation dan KFC Holdings. Dalam pertandingan tersebut, 9 pelajar UniMAP telah berjaya terpilih untuk mewakili Negeri Perlis ke Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 10 Januari 2009 di PERSADA, Johor Bahru. Turut serta terpilih adalah 2 orang pelajar daripada UiTM Arau.